

14 FEBRUARI 2023

## Bomba cadang tubuh 7 PBS Orang Asli

**Gopeng:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak menyasarkan untuk menubuhkan sekurang-kurangnya tujuh pasukan bomba sukarela (PBS) yang dianggotai masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman di negeri ini, tahun ini.

Pengaruhnya, Azmi Osman berkata, perkampungan Orang Asli Ulu Geruntum di Gopeng merupakan PBS pertama diwujudkan dalam kalangan masyarakat Orang Asli bagi membantu menangani pelbagai insiden kecemasan seperti kebakaran, orang hilang atau lemas.

"PBS membabitkan Orang Asli ini dilihat mampu membantu menangani pelbagai insiden sebelum pasukan penyelamat sam-

pai ke lokasi kejadian kerana kebiasaannya jarak kawasan penempatan Orang Asli agak jauh dari balai bomba di sesuatu kawasan.

"Masyarakat Orang Asli juga sememangnya berkehendak mahiran di hutan kerana mereka sentiasa bersedia menghadapi binatang buas dan mereka tahu struktur jalan dalam kawasan hutan selain memiliki ketahanan fizikal amat padu untuk membantu kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis ramah mesra sempena penubuhan PBS Kampung Orang Asli Ulu Geruntum, yang turut dihadiri Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perak, Sandrea Ng Shy Ching, kelmarin.

Azmi berkata, pegawai bomba dari balai bomba berhampiran akan datang ke kampung berkenaan dalam tempoh dua minggu atau sebulan sekali untuk memberi latihan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang sewajarnya untuk menangani sesuatu insiden kepada anggota PBS Orang Asli.

Sementara itu, Sandrea berkata, penubuhan PBS di kampung Orang Asli dilihat dapat membantu dalam tempoh paling singkat sekiranya berlaku kebakaran, kemalangan atau lain-lain bencana sebelum anggota bomba tiba di lokasi kejadian.

"Di Gopeng ini juga merupakan tumpuan orang ramai kerana terdapat banyak kawasan pelancongan," katanya.